



Rujukan : JPA(S)63/2 Klt. 3 (3)
Tarikh : 28 Julai 2022

Kepada semua Ketua Setiausaha Kementerian

YBhg. Datuk Sri/ Datuk Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan,

**KENAIKAN KADAR BAYARAN INSENTIF BAHASA ASING BAGI
PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM YANG MENGGUNAKAN BAHASA
ASING DALAM MENJALANKAN TUGAS RASMI**

Saya ingin menarik perhatian YBhg. Datuk Sri/ Datuk Seri/ Dato' Sri/ Datuk/
Dato'/ Tuan berhubung perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan telah bersetuju meluluskan kenaikan kadar Bayaran Insentif Bahasa Asing kepada pegawai yang menguasai dan menggunakan bahasa asing dalam menjalankan tugas rasmi seperti ketetapan berikut:

Tahap Kemahiran Bahasa Asing	Kadar sedia ada sebulan bagi satu bahasa (RM)	Kadar baharu sebulan bagi satu Bahasa* (RM)
Asas (<i>Basic</i>) / Pertengahan (<i>Intermediate</i>)	150.00	200.00
Lanjutan (<i>Advanced</i>)	250.00	300.00

*Boleh dibayar maksimum dua (2) bahasa berkaitan dalam satu tempoh yang sama

3. Syarat pemberian Bayaran Insentif Bahasa Asing seperti mana dalam Perenggan 6, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 22 Tahun 2009 (PP 22/2009) adalah masih terpakai. Kenaikan kadar Bayaran Insentif Bahasa Asing ini juga **tertakluk kepada pemakaian syarat umum kelayakan pembayaran elaun** selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2019. Pembayaran elaun ini akan terhenti mulai hari pertama apabila pegawai berada dalam keadaan berikut:

- (i) Cuti Tanpa Gaji (termasuk Cuti Belajar Tanpa Gaji);
- (ii) Cuti Separuh Gaji (termasuk Cuti Belajar Separuh Gaji);
- (iii) Kursus (termasuk Cuti Belajar Bergaji Penuh) yang tempohnya melebihi 92 hari termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am;
- (iv) Cuti Rehat yang tempohnya melebihi 28 hari berturut-turut termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am;
- (v) Cuti selain daripada Cuti Rehat, yang tempohnya melebihi 28 hari berturut-turut termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am;
- (vi) Kombinasi mana-mana jenis cuti yang tempohnya melebihi 28 hari berturut-turut termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan, Hari Kelepasan Am dan hari-hari tidak hadir bekerja tanpa kebenaran; atau
- (vii) Menjalankan tugas rasmi selain daripada tugas hakiki atas arahan Ketua Jabatan yang tempohnya melebihi 92 hari berturut-turut.

4. Sekiranya tempoh penempatan pegawai tidak genap satu (1) bulan kalendar atau pegawai diarah menjalankan tugas yang melayakkan pemberian bayaran insentif tidak genap (1) bulan kalendar, pembayaran insentif ini

hendaklah dibuat secara pro rata menggunakan pembayaran kaedah pengiraan seperti berikut

$$\frac{\text{Bilangan Hari Menjalankan Tugas x Kadar Sebulan}}{\text{Bilangan Hari Dalam Bulan Berkenaan}} \\ (\text{RM}200.00/ \text{RM}300.00)^*$$

**mana yang berkenaan*

5. Kelulusan kenaikan kadar Bayaran Insentif Bahasa Asing adalah berkuat kuasa mulai **1 Januari 2023**. Peruntukan bagi kelulusan ini hendaklah dimohon kepada Kementerian Kewangan semasa pemeriksaan Anggaran Perbelanjaan Tahunan 2023 berdasarkan Siling Indikatif yang ditetapkan untuk Kementerian. Dengan berkuat kuasanya surat ini, **Perenggan 5, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 22 Tahun 2009 adalah dengan ini dibatalkan.**

6. Selaras dengan keputusan Kerajaan ini, diharapkan pegawai yang terlibat akan terus berkhidmat dengan lebih cemerlang pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' SRI MOHD SHAFIQ BIN ABDULLAH)